

**Jenis Akhbar** : *Suara Merdeka*  
**Tarikh** : *09/10/2021*  
**Edisi / Muka Surat** : <https://suaramerdeka.com.my/>  
**Tajuk** : *ANGKASA saran koperasi bergerak aktif dalam sektor perumahan*



## **Angkasa saran koperasi bergerak aktif dalam sektor perumahan**

ANGKASA menyarankan gerakan koperasi di negara ini menceburi dan bergerak aktif dalam sektor perumahan yang mana dapat membantu anggota serta masyarakat dalam menyediakan tempat tinggal dengan harga berpatutan serta kompetitif selain dapat menjana perolehan melalui perniagaan berimpak tinggi.

Presiden Angkasa merangkap Pertubuhan Koperasi ASEAN, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, isu kos pemilikan rumah merupakan isu nasional yang seringkali dibangkitkan memandangkan ramai yang masih belum mampu memiliknya kerana harga harta tanah yang agak tinggi berbanding dengan jumlah pendapatan yang diterima oleh rakyat di negara ini.

“Semangnya rakyat mengharapkan kepada kerajaan untuk menangani isu pemilikan rumah namun pada masa yang sama koperasi juga harus memainkan peranan dalam menyelesaikan isu ini.

“Sifat koperasi yang dibangunkan demi memenuhi keperluan anggota harus diperkasa supaya lebih menyeluruh termasuk penyediaan rumah yang menjadi keperluan asas setiap keluarga.

“Angkasa amat mengalui –alukan usaha dari pihak KOPAMA hari ini dan ianya harus menjadi contoh kepada koperasi yang lain untuk turut serta dalam sektor berimpak tinggi ini,” katanya ketika hadir

merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Contoh kepada anggota Koperasi Alumni MKM Berhad (KOPAMA) di Felda Bukit Batu, Kulai, Johor pada hari ini.

Selain itu katanya, koperasi juga digalakkan untuk terlibat dalam perniagaan ‘hardware’ di mana koperasi boleh menjadi pembekal barang pembinaan kepada koperasi yang terlibat dengan sektor harta tanah dan juga syarikat swasta yang lain.

“ANGKASA melihat potensi cukup besar dalam bidang ini dan telah mewujudkan Sektor Hartanah dan Industri Binaan demi merealisasikan penglibatan koperasi dalam sektor tersebut. Justeru jaringan CoopHardware dibangunkan untuk meningkatkan kebolehupayaan koperasi dalam sistem perniagaan dan pemasaran produk hardware dan pembekalan bahan binaan.

“Angkasa berharap dapat meningkatkan keterlibatan lebih banyak koperasi dalam sektor ini demi memberi manfaat bukan sahaja kepada gerakan koperasi malah kepada rakyat di negara ini dalam isu pemilikan rumah”

Hadir sama pada majlis itu Naib-Naib Presiden Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hasan dan Datuk Che Mohd Shukree Che Isa dan Pengurus Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Johor, Sazali Abd Hamid.